

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

A photograph of a dental clinic. A dentist in a white coat and blue mask is working on a patient's teeth. The patient is lying back in a dental chair. The background shows other dental equipment and a clean, professional environment.

Susunan lambakan doktor gigi

Hadkan pengambilan siswa pergigian

Kerajaan didesak meneruskan Moratorium Program Pergigian yang pernah dikuatkuasakan pada 2013 hingga 2018 bertujuan mengehendkan penuntut bidang pergigian di universiti tempatan kepada 800 orang setahun, selain tidak memberikan pengiktirafan baharu kepada universiti di luar negara

Laporan Suzalina Khalid, Mohd Nasaruddin Parzi Muka 2

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

Lambakan graduan pergigian

Perkenal semula program moratorium

Hadkan pengambilan pelajar mampu atasi lambakan doktor gigi

Oleh Suzalina Halid dan Mohd Nasaruddin Parzi suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta meneruskan Moratorium Program Pergigian yang dikuatkuasakan selama lima tahun berakhir 2018, yang mengehadkan hanya 800 pengambilan penuntut pergigian di universiti tempatan pada setiap tahun.

Berbanding ketika ini yang menyaksikan universiti bebas menentukan bilangan penuntut, pendekatan memperkenalkan moratorium ini dikatakan mampu mengatasi isu lambakan graduan pergigian dalam negara.

Timbalan Dekan Pendidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Rohaya Megat Abdul Wahab, berkata pihaknya mengalu-alukan jika kerajaan dapat menyambung penguatkuasaan moratorium bersama Kementerian Pendidikan yang

berakhir tahun lalu ini. Selain itu, beliau menyarankan agar kerajaan tidak lagi menambah pengiktirafan baharu universiti di luar negara yang menawarkan program pergigian.

"Melalui moratorium yang dilaksanakan sebelum ini, pengambilan penuntut pergigian oleh UKM adalah sekitar 50 hingga 55 pada setiap kumpulan, berbanding 90 yang dilaksanakan pada awal 2000.

"Namun, untuk tahun ini, UKM mengambil 40 penuntut tempatan, manakala 10 lagi tempat kita buka kepada penuntut antarabangsa dalam usaha memperkenalkan nama UKM pada peringkat luar.

"Penuntut antarabangsa dalam bidang pergigian ini tidak boleh berkhidmat di Malaysia, sebaliknya mereka perlu pulang ke negara masing-masing untuk berkhidmat sebagai doktor gigi," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas laporan eksklusif *BH* semalam, bahawa kesukaran graduan pergigian bertambah apabila mereka juga sukar mendapat tempat untuk menjalani latihan Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP).

Sebelum ini, tempoh menunggu setiap graduan pergigian bagi mendapat tempat latihan NDOP yang dulu dikenali sebagai Pegawai Pergigian Tahun Pertama

Eksklusif

(FYDO) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas tamat pengajian adalah di antara satu hingga dua bulan, tetapi kini berlarutan sehingga 18 bulan.

Kelewatan dan kesukaran mendapat tempat latihan terbabit, didakwa berpunca daripada lambakan graduan bidang pergigian sama ada dari universiti dalam negara mahupun luar negara.

Mengulas lanjut, Dr Rohaya berkata, faktor terlalu banyak fakulti pergigian di universiti awam dan swasta di negara ini dengan tiada penambahan perjawatan dalam bidang terbabit, dipercayai menyumbang kepada lambakan graduan pergigian.

"Tidak perlu lagi penambahan fakulti pergigian kerana ketika ini kita sudah ada 13 universiti tempatan (yang menawarkan program pergigian) dan ini belum dikira lagi dari luar negara.

"Jadi, memang ramallah graduan pergigian yang dikeluarkan berbanding 20 tahun lalu yang cuma ada satu atau dua fakulti sahaja," katanya.



Keratan akhbar *BH* Ahad, semalam.

Beliau berpendapat, jumlah penuntut untuk memasuki bidang pergigian sememangnya ramai, namun 13 fakulti sedia sudah mencukupi.

"Apatah lagi dari segi perjawatan dalam KKM sekarang tiada penambahan dan ini juga menyebabkan proses menjalani latihan itu lambat, sekali gus menyumbang terhadap masalah ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Doktor Gigi Malaysia-Seksyen Mengenai Pegawai dan Pakar Pergigian (MDA-SCODS), Dr Muhammad Farid Nurdin, berkata sampai masanya kerajaan melaksanakan peperiksaan kelayakan profesional (PQE) seperti diamalkan di United Kingdom (UK) untuk menapis graduan luar negara sebelum berkhidmat di negara ini.

"Selain mewajibkan graduan luar negara mengambil peperiksaan khas itu, kerajaan juga di-

cadang melanjutkan tempoh moratorium kerana kerana ia memang boleh mengawal lambakan doktor gigi.

"Kerajaan juga diharap tidak memberikan pengiktirafan baharu kepada universiti luar negara bagi mengawal lambakan ini kerana kita tidak boleh halang penuntut yang ingin menyambung pengajian di negara asing," katanya.

Beliau berkata, lambakan doktor gigi berlaku apabila kerajaan mula memperkenalkan sistem lantikan kontrak bagi pengambilan graduan pergigian menjalani NDOP bermula 2017.

Katanya, daripada kumpu pertama 300 doktor gigi melalui NDOP yang akan tamat Januari ini (2020), hanya 50 peratus akan diserap kepada lantikan tetap manakala selebihnya harus mencari jalan alternatif dengan pergi kepada klinik swasta atau universiti.

Tidak perlu lagi penambahan fakulti pergigian kerana ketika ini kita sudah ada 13 universiti tempatan (yang menawarkan program pergigian).

Dr Rohaya Megat Abdul Wahab, Timbalan Dekan Pendidikan dan Inovasi UKM

Kerajaan diharap tidak memberikan pengiktirafan baharu kepada universiti luar negara bagi mengawal lambakan ini kerana kita tidak boleh halang penuntut yang ingin menyambung pengajian di negara asing.

Dr Muhammad Farid Nurdin, Pengerusi Persatuan Doktor Gigi Malaysia-Seksyen Mengenai Pegawai dan Pakar Pergigian



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

Kementerian teliti isu sukar dapat tempat latihan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan akan meneliti isu kelewatan dan kesukaran graduan pergigian untuk mendapatkan tempat menjalani latihan Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP).

Pada masa ini, kerajaan menghadapi sedikit kekangan dari segi bilangan perjawatan dalam perkhidmatan awam, termasuk untuk NDOP, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye.

Bagaimanapun beliau berkata, setakat ini negara masih memerlukan ramai doktor gigi dan jumlah

sekarang masih tidak mencapai sasaran ditetapkan.

"Kalau kita lihat keperluan doktor gigi di Malaysia, kita belum mencapai sasaran. Tetapi, jumlah perjawatan doktor gigi yang ada dalam perkhidmatan memang agak terhad," katanya ditemui media selepas Program Hari Diabetes X CPR 2019, di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

BH semalam melaporkan wujud kelewatan dan kesukaran mendapat tempat latihan NDOP bagi graduan pergigian, menyebabkan

Kerajaan memang tidak mampu menyerap semua doktor gigi yang ada tetapi saya rasa masih ada ruang (peluang kerjaya) yang besar di swasta.

Dr Lee Boon Chye,
Timbalan Menteri Kesihatan



mereka perlu menunggu lama untuk bergelar doktor gigi.

Mengulas lanjut, Boon Chye menjelaskan, graduan pergigian tidak perlu bimbang memandangkan peluang pekerjaan bagi mereka di negara ini masih terbuka luas.

"Di pihak swasta masih ada keperluan. Jadi, apabila habis belajar, mereka bebas untuk terus ke swasta.

"Kerajaan memang tidak mampu menyerap semua doktor gigi

yang ada, tetapi saya rasa masih ada ruang (peluang kerjaya) yang besar di swasta," katanya.

Sementara itu, beliau mahu Program Celik Bantuan Pernafasan Kecemasan (CPR) perlu diperluaskan kepada masyarakat.

"CPR ini penting dan harus diberikan dalam lingkungan masa empat minit kepada mangsa dan ini tidak mungkin dilakukan oleh petugas ambulans.

"Jadi komuniti CPR penting dan menjadi dasar Kementerian sejak 2006 mewujudkan modul latihan CPR untuk komuniti," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Jangkitan virus polio selepas 27 tahun

Imunisasi tambahan kanak-kanak di Sabah

KKM beri vaksin secara berperingkat secepat mungkin

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memberi imunisasi tambahan kepada semua kanak-kanak berusia bawah lima tahun di Sabah secara berperingkat dalam usaha menghentikan penularan virus polio.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya sedang membuat perancangan rapi dan pemberian imunisasi tambahan itu akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

"Aktiviti pemberian imunisasi untuk kanak-kanak yang tercidir imunisasi di kawasan tempat tinggal kes dan kawasan berhampiran akan dilaksanakan bagi memastikan liputan imunisasi polio ditingkatkan," katanya.

Imunisasi polio dilaksanakan semalam (kelmarin),

Punca disyaki dari luar Sabah



Laporan BH 10 Disember lalu.

seramai 59 kanak-kanak berusia dua bulan hingga 15 tahun di kawasan berkenaan yang tercidir imunisasi diberikan vaksin polio. Semua mereka ini adalah kanak-kanak bukan warganegara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

KKM sebelum ini mengesahkan seorang bayi lelaki berusia tiga bulan dari Tuaran, Sabah, dijangkiti virus polio, menjadi kes per-

tama selepas 27 tahun Malaysia bebas daripada penyakit itu.

Mangsa didapati mengalami demam diikuti lemah anggota badan dan dimasukkan ke unit rawatan Rapi (ICU) selepas disahkan dijangkiti *vaccine-derived poliovirus type 1 (VDPV1)*.

Dr Noor Hisham berkata, pendidikan kesihatan mengenai penyakit polio dan langkah pencegahan giat dijalankan kepada

umum melalui media sosial, pendidikan individu, edaran bahan pendidikan kesihatan, ceramah dan lain-lain.

Beliau berkata, semua fasiliti kesihatan sudah diarah untuk memastikan kes Acute Flaccid Paralysis (AFP) yang menunjukkan gejala seakan poliomyelitis dipantau dan dijalankan ujian pengesanan virus polio.

"Kerjasama dengan pihak Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) sedang diperhalusi bagi mendapatkan bekalan vaksin pada kos yang rendah (disubsidi oleh UNICEF) untuk program imunisasi kanak-kanak bukan warganegara di Sabah.

"Pemberian vaksinasi itu akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terpilih.

Selain itu, KKM juga akan memantapkan kerjasama dua hala dengan Kerajaan Filipina termasuk program imunisasi bagi kanak-kanak Filipina yang berada di Sabah," katanya.

Justeru, KKM berkata, cara terbaik mencegah penyakit polio



Pemberian imunisasi untuk kanak-kanak yang tercidir imunisasi di kawasan tempat tinggal kes dan kawasan berhampiran dilaksanakan bagi memastikan liputan imunisasi polio ditingkatkan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

adalah melalui imunisasi kerana penularan virus itu tidak mengenal sempadan.

"Ibu bapa perlu memastikan anak yang tercidir imunisasi dibawa ke Klinik Kesihatan berhampiran. Penjadualan semula imunisasi bagi kanak-kanak cidir imunisasi akan dibuat mengikut kesesuaian," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

Gembleng tenaga tingkat potensi pelancongan kesihatan



Jami'ah
Sokri
bhnews@bh.com.my

Ketika melawat seorang teman di sebuah hospital swasta di tengah bandar raya Kuala Lumpur, langkah penulis ketika melintasi Pusat Pesakit Antarabangsa, terhenti apabila terdengar perbualan cukup mengujakan.

Seorang kakitangan wanita mesra melayan pesakit lelaki berkulit hitam ketika menerangkan proses dan khidmat diberikan. Kelihatannya pesakit itu cukup berpuas hati.

Berdasarkan perbualan itu, penulis mendapat tahu pesakit itu berasal dari Somalia dan ingin berjumpa antara pakar ortopedik terbaik negara, selain dikhabarkan mengenai fasiliti bertaraf dunia selepas diuruskan ejen di hospital berkenaan.

Pesakit itu menjelaskan bukan sahaja dirinya, malah saudaramaranya juga pernah mendapatkan rawatan perubatan berkai-

tan penyakit mereka di hospital sama. Tidak lekang terukir senyum sepanjang perbualan itu, sempat dia memuji hospital berkenaan dan membuat pilihan tepat kerana semuanya menepati cita rasa dan keperluannya.

Ceritanya, bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), apabila pesakit itu dibawa menaiki kenderaan mewah terus ke hospital berkenaan bagi urusan selanjutnya. Hospital pula menguruskan tempat penginapan dan dibawa meneroka tempat menarik di sekitar ibu kota yang termasuk dalam pakej pelancongan kesihatannya.

Berdasarkan pemerhatian dan pengamatan penulis, tidak syak lagi Malaysia memang berpotensi besar dan mampu berkembang pesat menerusi industri berkenaan.

Logik sekali apabila Malaysia diiktiraf sebagai *Health & Medical Tourism: Destination of the Year* selama tiga tahun berturut-turut sejak 2015 oleh *International Medical Travel Journal* (IMTJ).

Organisasi berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), *International Living*, turut mencanangkan Malaysia sebagai negara te-

ratas untuk kategori 'penjagaan kesihatan dalam Indeks Persaraan Global.

Dalam Belanjawan 2020, diumumkan peruntukan RM25 juta kepada Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) untuk memperkukuh kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelancongan kesihatan di rantau ini.

Negara juga merekodkan peningkatan 17 peratus setiap tahun dengan menjana pendapatan RM1.5 bilion menerusi kunjungan 1.2 juta pelancong kesihatan, pada 2018. Tahun lalu, MHTC memperolehi RM1.5 bilion daripada hasil kutipan hospital dengan sumbangan antara RM5 bilion hingga RM6 bilion secara keseluruhan kepada ekonomi negara.

Optimis dengan perkembangan itu, kerajaan menyasarkan sektor kesihatan dan perubatan untuk menarik lebih dua juta pelancong menjelang 2020.

Justeru, penganjuran Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020 (MyHT 2020) sebagai pengisian program Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM 2020), adalah misi tepat mencapai tahap itu.

Negara kita bukan sahaja mendapat limpahan manfaat berlipat ganda dari sudut penjanaan pendapatan, malah turut menyedai lebih 15,000 peluang pekerjaan dalam industri berkenaan.

Keunikan dan keistimewaan Malaysia dalam industri pelancongan juga tidak dapat nafikan kerana menyediakan pelbagai daya tarikan.

Kepelbagaian kaum, etnik, budaya, bahasa dan kelazatan makanan serta pastinya banyak tempat menarik menjadikan ia destinasi yang wajar dilawati.

Mahu apa sahaja di sini, semuanya ada dan ia terletak di tangan mereka. Cuma yang penting, semua pihak sewajarnya mengembleng tenaga mengetengahkan Malaysia sebagai destinasi percutian pilihan global dan pelancongan kesihatan bertaraf dunia.

Berbaki tidak beberapa minggu lagi, ambang 2020 menjelang tiba. Kita sudah sepatutnya bersiap sedia dalam pelbagai segi menanti kedatangan pelancong asing.

Malaysia juga disebut-sebut antara hab rawatan kesihatan ter-

baik dunia dengan antara bayaran rawatan yang terendah.

Antara bidang yang kerap diintai pelancong asing adalah kardiologi, kesuburan, pergigian, kosmetik, ortopedik dan onkologi.

Kita perlu mencari potensi baharu untuk meningkatkan pasaran negara yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan, selain yang lazim dari Indonesia, China, Asia Barat dan lain-lain.

Peranan semua hospital khususnya keseluruhan warga kerjanya daripada pihak pentadbiran dan pengurusan, doktor dan kakitangan pelbagai peringkat yang menyertai program pelancongan perlu memberikan perkhidmatan terbaik, diyakini serta cekap.

Industri ini juga sewajarnya mampu menterjemahkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mencapai sasaran 25 peratus pendapatan dalam bidang itu kepada negara.

Penulis adalah Pengarang Meja Wanita dan Gaya Hidup Berita Harian

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

Beri rawatan percuma warga asing elak jangkitan virus

Serdang: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjelaskan pemberian vaksin polio kepada kanak-kanak warga asing di Sabah adalah untuk melindungi rakyat negara ini dijangkiti virus itu.

Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye berkata, mengikut amalan biasa, warga asing perlu membayar RM80 setiap kali mendapatkan vaksin itu.

Beliau berkata, bagi kes di Tuaran, Sabah, KKM perlu

mengambil tindakan segera bagi mengelak jangkitan virus polio kepada kanak-kanak negara ini.

"Kami lihat data kanak-kanak warga negara yang mengambil vaksin sangat tinggi berbanding warga asing, KKM mengambil langkah memberikan vaksin kepada kanak-kanak bagi mengelak risiko dan jangkitan.

"KKM turut memberi vaksin kepada mereka yang berhampiran dengan kawasan

kes yang dikenal pasti meliputi warga asing serta mereta.

"Kami lihat kepada dua aspek di mana kes ini sudah berlaku dan ada keperluan beri vaksin kepada kanak-kanak termasuk warga asing tanpa bayaran.

"Bagaimanapun mengikut amalan biasa, mereka perlu bayar RM80 untuk pengambilan vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Diabetes

dan Bantuan Pernafasan 2019 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Dr Lee berkata, pihaknya mengadakan kerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan sudah mengenal pasti jenis virus itu yang berpunca dari Filipina.

"Buat masa ini, KKM belum ada dasar untuk menjalankan saringan ke atas rakyat negara itu yang datang ke Malaysia.

"Bagaimanapun kami memastikan semua kanak-kanak di Sabah mengambil vaksin bagi mengelak jangkitan.

"Kesedaran ibu bapa terhadap pengambilan vaksin anak mereka sangat tinggi kerana mengikut data kami menunjukkan 95 peratus rakyat negara ini mengambil vaksin ini," katanya.

Menurutnya, KKM mendapatkan kerjasama daripada Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu bagi memperoleh bekalan vaksin untuk diberi kepada warga asing.

"Kementerian juga cuba mendapatkan kerjasama daripada kerajaan Filipina untuk mendapatkan vaksin memandangkan negara itu memperoleh bekalan vaksin yang lebih murah," katanya.

Pada 8 Disember lalu, KKM memaklumkan kejadian satu kes yang disahkan dijangkiti virus polio di Sabah dengan membabitkan seorang bayi lelaki warga Malaysia.

VIRUS POLIO DI SABAH

59 tercicir diberi vaksin

Oleh Mohamad Hussin mohamad_hussin@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 59 kanak-kanak berusia dua bulan hingga 15 tahun bukan status warga negara yang tercicir imunisasi diberikan vaksin polio bagi mengelak dijangkiti virus polio yang berlaku di Tuaran, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya mengambil langkah pencegahan dan kawalan yang sedang diteruskan di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, aktiviti pengesanan kes *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) yang menunjukkan gejala seakan-akan poliomyelitis (proksi kepada penyakit poliomyelitis) di tempat tinggal kes diperluaskan ke kawasan berhampiran dan berisiko.

"Seramai 1,553 diperiksa dan tiada yang bergejala AFP dikesan dan pengambilan sampel najis daripada 20 kenalan rapat bayi dijalankan untuk ujian makmal dan menunggu keputusan.

"Enam sampel persekitaran dari kawasan itu bagi pengesanan kehadiran virus polio dan menunggu keputusan makmal.

"Pemantauan kehadiran virus polio dalam persekitaran melalui persampelan air kumbahan diteruskan di enam loji rawatan air kumbahan terpilih di Sa-

bah," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hingga kini, tiada virus polio liar atau *vaccine-derived poliovirus* (VDPV) dikesan dalam sampel persekitaran.

"Aktiviti pemberian imunisasi kanak-kanak tercicir imunisasi di tempat tinggal kes dan kawasan berhampiran dilaksanakan bagi memastikan liputan imunisasi polio ditingkatkan.

"Bagi memastikan penularan virus polio dihentikan, aktiviti imunisasi tambahan diberikan kepada semua kanak-kanak berumur bawah lima tahun di Sabah secara berperingkat.

"Perancangan rapi dibuat dan pemberian imunisasi tambahan ini dijalankan secepat mungkin manakala semua fasiliti kesihatan di-

arahkan untuk memastikan semua kes AFP dipantau dan dijalankan ujian pengesanan virus polio," katanya.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi mendapatkan maklumat terkini situasi polio secara global termasuk kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mendapatkan bekalan vaksin pada kos yang rendah.

Pada 8 Disember lalu, KKM memaklumkan kejadian satu kes yang disahkan dijangkiti virus polio di Sabah membabitkan seorang bayi lelaki warga Malaysia berusia tiga bulan dari Tuaran, Sabah.

Bayi itu masih dirawat di bilik isolasi hospital dan berada dalam keadaan stabil.



“
1,553 diperiksa dan tiada bergejala AFP
Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : NEGERI



Boon Chye (tengah) menyempurnakan perasmian Festival Placemaking 2019 di Ipoh semalam.

KKM akan bincang dengan WHO, UNICEF

IPOH - Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan mengadakan perbincangan dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mengenai pemberian vaksin untuk polio minggu hadapan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, perbincangan tersebut meliputi pemberian vaksin dalam kalangan kanak-kanak warga asing dan yang tidak mempunyai dokumen sah di negara ini.

Menurutnya, perbincangan mengenai pembiayaan kos akan turut dibuat bersama-sama kedua-dua agensi itu dan kerajaan Filipina bagi memastikan suntikan tersebut dapat diberikan kepada bukan warganegara Malaysia.

“Masalah sekarang ialah warga asing atau mereka yang tiada dokumen, kadar vaksinasi mereka kurang daripada 70 peratus dan ini akan menjadi risiko di mana penularan penyakit boleh berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang tidak ada imunisasi.

“Kita sedang bincang dengan UNICEF dan kerajaan Filipina supaya kos vaksin lebih rendah dapat disediakan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Festival Placemaking 2019 di Dewan Konvensyen GRC, Rapat Setia di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Asing fungsi klinik, farmasi langkah terbaik kawal harga ubat

SHAH ALAM - Pelaksanaan sistem pengasingan fungsi klinik dan farmasi di negara ini atau dikenali *dispensary separation* (DS) adalah langkah terbaik boleh diperkenalkan kerajaan bagi mengawal harga ubat dan bekalan farmasi di Malaysia pada masa hadapan.

Penganalisis Ekonomi, Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, langkah mengkhususkan premis klinik dan hospital kepada aspek diagnostik penyakit dan pemberian rawatan sahaja adalah inisiatif terbaik menangani peningkatan kadar premium tahunan insurans perubatan pesakit yang tinggi.

Menurutnya, apabila tanggungjawab penjualan ubat dan bekalan farmasi hanya tertumpu kepada premis farmasi sahaja, ia secara tidak langsung memudahkan usaha kerajaan mengawal harga ubat daripada terus meningkat saban tahun.

"Secara umum, cadangan ini dikira bagus kerana harga ubat dijual di hospital dan klinik de-

ngan farmasi adalah berbeza. Harga ubat di hospital dan klinik lebih tinggi.

"Ini disebabkan mereka tahu nilai maksimum tuntutan insurans pesakit dibiayai syarikat insurans, jadi mereka akan cuba memaksimumkan harga ubat.

"Jadi langkah memperkenalkan DS untuk jangka masa panjang akan memastikan kadar premium insurans kesihatan tidak mudah naik di samping harga ubat lebih mudah dikawal kerajaan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Ahmad Razman berkata, selain cadangan mengawal harga ubat secara kaedah DS, kerajaan juga perlu meningkatkan pemantauan dari aspek caj konsultansi terhadap pesakit dan kadar premium insurans tahunan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad turut menyifatkan cadangan itu baik dan perlu diberi perhatian bagi memastikan perbelanjaan kesihatan dibayar oleh rakyat tidak membebankan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS



Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye (centre) launching the Placemaking Festival luncheon at the Gunung Rapat Convention Centre in Ipoh yesterday. PIC BY MUHAIZAN YAHYA

RE-EMERGENCE OF POLIO VIRUS

'THERE'S NO NEED FOR MANDATORY JABS'

Education can boost vaccination rate above 95pc, says Dr Lee

BALQIS JAZIMAH ZAHARI
IPOH
news@nst.com.my

THERE is no necessity to make vaccination programmes compulsory, following the re-emergence of polio in Sabah.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said this as the vaccination rate nationwide had reached 95 per cent.

"We received a proposal to make the vaccination exercise compulsory.

"We saw vaccination rates for measles, mumps and rubella (MMR) at less than 95 per cent level last year.

"However, of late, following efforts taken in terms of education and information provided to par-

ents, who were previously uncomfortable with the immunisation exercise, the vaccination rate has increased above 95 per cent."

Dr Lee said this after opening the Placemaking Festival luncheon at the Gunung Rapat Convention Centre here yesterday.

He was commenting on the Malaysian Family Medicine Academy recommendation which wanted immunisation to be made compulsory following the re-emergence of polio in Sabah.

"The increase in vaccination rate shows that people have benefited as immunisation has protected them from infectious diseases," he added.

"As such for the time being, I feel that there is no need for us to make vaccination compulsory.

"We can approach it through education and through other measures to increase the vaccination coverage rate."

A 3-month-old toddler in Tuaran, Sabah, was diagnosed with poliovirus earlier this month.

It was reported that the polio virus which infected the boy

came from outside Malaysia, but it marks the comeback of the virus in Malaysia 27 years after its eradication in 1992.

Malaysia and other Western Pacific countries were declared polio-free in 2000.

Dr Lee said the Health Ministry would hold discussions on the polio issue with the World Health Organisation and The United Nations Children's Fund (Unicef) next week.

He said the meeting was aimed at boosting the vaccination exercise to be carried out in the polio affected area in Sabah.

"We will discuss how to administer the vaccines in Sabah as well as the cost of the vaccines to be borne by the government."

Dr Lee said at the same time, the ministry was also discussing with Unicef and the Philippine government on how to reduce the cost of vaccine.

"For the time being, we will focus on the area where the toddler was infected.

"We may have to look into the need to prepare vaccination for other diseases, too."

Additional immunisation for kids aged 5 and below

KUALA LUMPUR: Children aged 5 and below will receive additional immunisation in stages to ensure the spread of the polio virus is stopped in its tracks.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said thorough planning was being done and the additional immunisation would be carried out as soon as possible.

He said the health authorities had implemented additional vaccination programme for children who earlier dropped out from such exercise in the polio affected location as well as nearby areas.

Dr Noor Hisham said as of Dec 14, 59 children aged between two months and 15 years in the affected area who had dropped out of immunisation exercise were vaccinated with the polio vaccine.

"All of them who were involved (in the vaccination exercise) were non-citizens."

On Dec 8, reports emerged that a 3-month-old Malaysian boy from Tuaran, Sabah was infected with the polio virus.

It was Malaysia's first case in 27 years.

"The toddler is still being treated at the hospital's isolation ward. He is in stable condition and is being provided with breathing aid.

"Since the polio case was detected, no new cases had been detected," he said.

Dr Noor Hisham said, until Dec 14, preventive steps and control measures were taken, including detecting cases of Acute Flaccid Paralysis, which showed symptoms of poliomyelitis in the area where the case was detected and nearby high-risk areas.

"Medical examinations were conducted on 1,553 individuals

and none had shown symptoms involving AFP," he said.

Dr Noor Hisham said health authorities took faeces samples of 20 individuals that the toddler had come into contact.

"Laboratory tests are being conducted and we are waiting for the results," he said, adding that six environment samples were taken from nearby areas to detect the presence of polio virus.

Tests were also done on samples of sewage water at six sewage treatment plants in Sabah.

"To date, we have not detected the presence of wild polio virus or vaccine-derived poliovirus in the environment," Dr Noor Hisham said.

He said preventive steps taken included boosting educational campaign on social media, distribution of educational materials and seminars.

He said health facilities were directed to monitor AFP cases and conduct polio

virus tests.

Dr Noor Hisham said the ministry was liaising with the World Health Organisation to get the latest updates globally.

"A collaboration with the United Nations Children's Fund is being refined to obtain vaccine supplies at a low cost (subsidised by Unicef) for children of non-citizens in Sabah. The vaccination programme will be carried out with non-governmental organisations."

He said the ministry would boost bilateral cooperation with the Philippines, including vaccinating the republic's children in Sabah.

"The ministry would like to stress that the best way to prevent polio is through immunisation. Infectious diseases like polio do not recognise boundaries."



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Curbing spread of polio virus

All children under five in Sabah to get extra immunisation

KUALA LUMPUR: All children under five in Sabah will be given an additional immunisation – which will be made in stages – to ensure the proliferation of the polio virus can be stopped.

“A methodical plan is being drawn up and the additional immunisation will be implemented as soon as possible,” said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah in a statement.

Currently, he said immunisation for children who had missed the procedure in the area where a polio case was confirmed and its surrounding areas had been implemented to ensure the polio

immunisation coverage was boosted.

Until Dec 14, a total of 59 children – from two months to 15 years – in the areas which had been overlooked for immunisation, had been given the polio vaccine.

All the children involved were non-citizens, said Dr Noor Hisham.

On Dec 8, a three-month-old baby in Tuaran, Sabah, was infected by the polio virus, the first case after 27 years. Malaysia was declared free of the disease in 1992.

Dr Noor Hisham said infectious diseases like polio were borderless and the best way to prevent them was through immunisation.

“As such, parents are urged to ensure children who have missed immunisation are taken to the nearest health clinics.

“A rescheduling of immunisation for children who have been overlooked will be done depending on suitability,” he said.

He added the Health Ministry (MOH) too would contact the World Health Organisation (WHO) directly to obtain the latest information on the global polio situation.

MOH is also refining cooperation with the United Nations Children’s Fund (Unicef) to obtain vaccine supplies at a low cost (subsidised by Unicef) for a programme to immu-

nise non-citizens in Sabah.

The giving of the vaccine will be implemented through selected non-government organisations.

He said the activities to detect Acute Flaccid Paralysis (AFP) cases which showed a symptom akin poliomyelitis, (namely, a proxy poliomyelitis) in the area of residence of the baby concerned, will now be widened to nearby high-risk areas.

A total 1,553 people had been inspected and none of them had AFP symptoms, he said, adding that samples of faeces from 20 close contacts of the baby had been taken for laboratory tests. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

AIDS awards gala dinner held to honour generous contributors

KUALA LUMPUR: More than 500 guests gathered at the Mandarin Oriental Kuala Lumpur Ballroom for the highly-anticipated Malaysian AIDS Foundation-Berjaya Tun Dr Siti Hasmah Award Gala Dinner on Saturday night. They comprised philanthropists, corporate and political figures, and celebrities.

Among those who graced the event with their presence were Malaysian AIDS Foundation patron Datin Paduka Marina Mahathir, Malaysian AIDS Foundation chairman Prof . Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, Berjaya Corporation Berhad Founder Tan Sri Vincent Tan, Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali and Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye.

The awards dinner, in its second consecutive year, recognised those who made outstanding contributions in putting a stop to the AIDS epidemic in Malaysia and raised funds to reach these goals.

During the dinner, Adeeba launched the foundation's Ending AIDS fundraising campaign, which interestingly used a face-to-face approach to establish personal interaction with donors to increase awareness and attain funds. She also announced the RM2.41 million raised from the dinner itself.

Two awards were also presented, the much-vied for Tun Dr Siti Hasmah Award and the Patron Award, presented to individuals and organisations for combating the epidemic in Malaysia.

While the former went to Sabah AIDS Awareness Group Association (Saga) founder and president Dr Zaiton Yahaya, the latter was presented to former presidents of the Malaysian AIDS Council Datuk Dr Raj Karim and Tan Sri Zaman Khan Rahim Khan, and to MAC Cosmetics Malaysia.

The evening was not short of entertainment, with the foundation's Red Ribbon Celebrity Supporters Sean Ghazi and Bob Yusof crooning into the night and the legendary Indonesian songstress Kris Dayanti sealing the event on a high note.